

02 MAY 1997

Mahathir - Hotel

PERDANA MENTERI GESA LEBIH BANYAK SYARIKAT MALAYSIA MELABUR DI MALAWI

BLANTYRE (MALAWI), 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha sebuah syarikat Malaysia membina hotel bertaraf antarabangsa di bandaraya ini akan membantu membangunkan industri pelancongan Malawi.

Beliau berkata syarikat Malaysia yang lain harus mencontohi G-Two Holdings Berhad, syarikat berasaskan pembinaan, untuk melabur di republik itu.

"Saya berpuas hati dengan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dan kita mahu lebih banyak syarikat melabur di sini," kata beliau pada upacara pecah tanah projek Blantyre City Centre Hotel di sini.

Projek RM70 juta yang dijalankan oleh Malawi Resorts World Limited ialah usahasama antara G-Two yang memegang 74 peratus ekuiti dan Malawi Development Corporation yang menguasai kepentingan selebihnya.

Projek berkenaan dijangka siap menjelang akhir tahun depan. Ia akan mempunyai pusat konvensyen, restoran, kolam renang dan arked membeli-belah.

G-Two ialah syarikat utama Malaysia yang pertama beroperasi di Malawi disamping Telekom Malaysia Berhad.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia harus membantu Malawi membangunkan negara mereka dan satu daripada cara untuk berbuat demikian ialah dengan melabur di sini.

Dalam ucapannya, Presiden Malawi, Dr Bakili Muluzi menyambut baik penyertaan aktif syarikat-syarikat Malaysia di republik itu.

Beliau juga mempelawa lebih banyak syarikat Malaysia untuk melabur dalam pelbagai projek di sini dan memberi jaminan kerajaannya akan memberi sokongan.

Yang turut hadir pada upacara itu ialah Menteri Pelancongan Malawi Patrick Mbewe, pengerusi eksekutif G-Two Datuk Lim Huah Leong dan pengerusi Malawi Development Corporation, Dr Jerry Jana.

Sementara itu, pada upacara yang lain anjuran G-Two, Dr Mahathir memuji syarikat berkenaan kerana membantu mengatasi masalah perumahan di negara itu melalui projek kawasan penempatan baru.

Beliau berkata usaha syarikat itu akan memanfaatkan rakyat Malawi terutama golongan miskin.

G-Two menjalankan projek bandar satelit baru berharga RM3 bilion di kawasan seluas 800 hektar. Projek berkenaan dijangka siap secara berperingkat dalam tempoh 15 hingga 20 tahun.

G-Two juga akan membina 100 unit rumah kos rendah yang diberi percuma kepada rakyat Malawi.

Pada upacara itu, Dr Mahathir menyerahkan replika kunci unit kos rendah kepada Dr Muluzi. -- BERNAMA

ES FAZ